



**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
(WABAK RABIES)**

---

**KENYATAAN MEDIA  
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017  
08 OGOS 2017 @ 10.00 MALAM**

Adalah dimaklumkan bahawa perkembangan terkini mengesahkan terdapat satu (1) kes baru telah disahkan rabies dari Kampung Kuala, Gedong Bahagian Samarahan, Sarawak. Dengan pengesahan kes ini, jumlah kes rabies yang melibatkan manusia di Sarawak sehingga 08 Ogos 2017 adalah sebanyak **enam (6) kes** yang disahkan melalui ujian makmal. Sebelum ini, terdapat dua (2) kes dari Kampung Paon Rimu Bakong, Serian, manakala Kampung Lebor, Kampung Seroban dan Kampung Remun, Serian pula masing-masing satu (1) kes.

Kes keenam adalah kanak-kanak lelaki, berumur 7 tahun berasal dari Kampung Kuala, Gedong, Bahagian Samarahan dan mempunyai sejarah digigit anjing pada 17 Jun 2017. Beliau telah menerima tiga dos suntikan vaksin anti-rabies di Hospital Serian pada 21 Julai 2017, 24 Julai 2017 dan 28 Julai 2017 dan dos keempat dijadualkan pada 04 Ogos 2017. Walau bagaimanapun pada 01 Ogos 2017, kes mula mengalami demam, batuk dan muntah dan dimasukkan ke wad Hospital Serian. Keadaan kes merosot dengan mengalami perubahan sikap dan halusinasi dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak pada 03 Ogos 2017. Kes kini menerima rawatan lanjut di Hospital Umum Sarawak dan terpaksa diberi alatan sokongan pernafasan dan berada dalam keadaan kritikal. Ujian sampel yang dihantar pada 08 Ogos 2017 dan keputusan pada hari yang sama menunjukkan **positif terhadap virus Rabies**.

Setakat 08 Ogos 2017, sebanyak 22 kawasan di dalam tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Serian, Bahagian Sri Aman dan Bahagian Kuching telah diisytiharkan kawasan jangkitan wabak rabies dalam kalangan haiwan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Sehubungan itu, aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk pengesanan kes gigitan anjing mengikut prosedur sedia ada telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

JKNS memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit; dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Disediakan oleh:

***Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Sarawak***

***Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak***

***08 Ogos 2017 @ 10.00 Malam***